

17/06/2003

'Kemudahan pinjaman ditawarkan secara seimbang'

PENAWARAN pinjaman kewangan dibuat secara seimbang kepada syarikat besar dan pengusaha kecil untuk memastikan semua pihak menikmati kemudahan itu,

kata Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed.

Beliau berkata, adalah tidak benar tuduhan sesetengah pihak bahawa kerajaan hanya memberi perhatian kepada golongan peniaga besar.

"Ada (pihak) menuduh kerajaan memberi perhatian kepada golongan peniaga besar saja. Itu tidak betul kerana ia menafikan usaha kerajaan membantu peniaga kecil.

"Tiada kerajaan lain di dunia hari ini menyediakan peruntukan ratusan juta ringgit semata-mata untuk memberi pinjaman mudah kepada peniaga kecil," katanya pada majlis taklimat Skim Kredit Mikro, di Kota Bharu, kelmarin.

Turut hadir, Pengurus Bank Simpanan Nasional (BSN) Kelantan, Sharulnazar Jaafar dan Pengurus Kanan Bank Pertanian Malaysia (BPMB) Kelantan, Muhamad Osman.

Skim Kredit Mikro diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Menteri Kewangan dalam Pakej Strategi Baru bernilai RM7.3 bilion bulan lalu. Sebanyak RM300 juta daripada skim itu disalurkan kepada BPMB dan RM200 juta lagi kepada BSN untuk diagihkan kepada peniaga kecil sebagai pinjaman mudah sehingga RM20,000 tanpa penjamin.

Mustapa berkata, kerajaan bukan sekadar mengambil berat mengenai masalah peniaga besar dan kecil, malahan peka dan sentiasa berusaha membantu peniaga kecil khususnya berkaitan modal bagi membiayai perniagaan mereka.

Katanya, skim itu membuktikan komitmen kerajaan membantu peniaga kecil dan mengelakkan mereka membuat pinjaman dengan ceti haram yang mengenakan faedah terlalu tinggi.

"Sebelum ini ramai peniaga kecil yang menghadapi masalah dana, meminjam dengan along menyebabkan mereka berdepan risiko apabila gagal menjelaskan hutang. Sebab itu kita sediakan skim ini untuk elak peniaga menjadi mangsa along," katanya.

"Skim ini juga salah satu strategi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi serta memastikan kecairan aliran tunai berterusan dalam semua sektor ekonomi," katanya.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Mustapa berkata, skim kredit mikro adalah tindakan lebih agresif kerajaan bagi menyokong usahanya

sebelum ini mewujudkan Skim Amanah Ikhtiar dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan (Tekun) bagi membantu peniaga kecil.

Dengan kemudahan ini kita harap perniagaan mereka akan berkembang dan menikmati pendapatan lebih tinggi di samping membantu meningkatkan pertumbuhan ekonomi, katanya.